



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 17 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM SALUR BANTUAN KEPADA WANITA DAKWA DIBERI LAYANAN BURUK PEGAWAI JKM - NANCY</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2288486">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2288486</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1235415/nancy-siasat-dakwaan-pegawai-jkm-biadap-terhadap-pasangan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1235415/nancy-siasat-dakwaan-pegawai-jkm-biadap-terhadap-pasangan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/16/dida-kwa-biadab-terhadap-pasangan-gelandangan-2-pegawai-jkm-disiasat/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/16/dida-kwa-biadab-terhadap-pasangan-gelandangan-2-pegawai-jkm-disiasat/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://suarasarawak.my/kpwkm-diarah-siasat-dakwaan-wanita-warga-emas-tidak-dilayan-dengan-baik-oleh-pegawai-jkm/">https://suarasarawak.my/kpwkm-diarah-siasat-dakwaan-wanita-warga-emas-tidak-dilayan-dengan-baik-oleh-pegawai-jkm/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/04/16/kpwkm-bantu-warga-emas-siasat-isu-layanan-buruk-pegawai-jkm-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/04/16/kpwkm-bantu-warga-emas-siasat-isu-layanan-buruk-pegawai-jkm-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/659838/edisi/sabah-sarawak/kpwkm-salur-bantuan-kepada-wanita-dakwa-terima-layanan-buruk-pegawai-jkm">https://www.sinarharian.com.my/article/659838/edisi/sabah-sarawak/kpwkm-salur-bantuan-kepada-wanita-dakwa-terima-layanan-buruk-pegawai-jkm</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080568/dakwaan-pegawai-jkm-biadap-terhadap-gelandangan-disiasat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080568/dakwaan-pegawai-jkm-biadap-terhadap-gelandangan-disiasat</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/kpwkm-assisting-woman-allegedly-mistreated-by-jkm-officers-ED12336534">https://thesun.my/local_news/kpwkm-assisting-woman-allegedly-mistreated-by-jkm-officers-ED12336534</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2288485">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2288485</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/04/16/kpwkm-salur-bantuan-kepada-wanita-dakwa-diberi-layanan-buruk-pegawai-jkm-nancy/">https://malaysiagazette.com/2024/04/16/kpwkm-salur-bantuan-kepada-wanita-dakwa-diberi-layanan-buruk-pegawai-jkm-nancy/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/16/ministry-probing-alleged-threats-abuse-against-homeless-couple/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/16/ministry-probing-alleged-threats-abuse-against-homeless-couple/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/16/women-ministry-helping-elderly-woman-allegedly-mistreated-by-welfare-officers">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/16/women-ministry-helping-elderly-woman-allegedly-mistreated-by-welfare-officers</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/16/nancy-shukri-ministry-assisting-woman-allegedly-mistreated-by-social-welfare-dept-officers/129133">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/16/nancy-shukri-ministry-assisting-woman-allegedly-mistreated-by-social-welfare-dept-officers/129133</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.malaysianow.com/my/news/2024/04/16/nasib-malang-gelandangan-warga-emas-di-tangan-pegawai-jkm-pada-hari- raya-ketiga">https://www.malaysianow.com/my/news/2024/04/16/nasib-malang-gelandangan-warga-emas-di-tangan-pegawai-jkm-pada-hari- raya-ketiga</a>	MALAYSIANOW.COM
	<a href="https://www.malaysianow.com/news/2024/04/16/welfare-officers-threaten-elderly-couple-forced-to-spend- raya-on-kl-streets">https://www.malaysianow.com/news/2024/04/16/welfare-officers-threaten-elderly-couple-forced-to-spend- raya-on-kl-streets</a>	MALAYSIANOW.COM
	<a href="https://thesun.my/home_news/nancy-kpwkm-salur-bantuan-kepada-wanita-dakwa-diberi-layanan-buruk-pegawai-jkm-FD12336102">https://thesun.my/home_news/nancy-kpwkm-salur-bantuan-kepada-wanita-dakwa-diberi-layanan-buruk-pegawai-jkm-FD12336102</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=OOITLYodnCg">https://www.youtube.com/watch?v=OOITLYodnCg</a>	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/4/2024

<https://www.malaysianow.com/my/multimedia/2024/04/16/sikap-bengis-pegawai-jkm-terhadap-gelandangan>

MALAYSIANOW.COM

<https://www.getaran.my/artikel/semasa/58406/kpwkm-bantu-wanita-didakwa-diberi-layanan-buruk-pegawai-jkm-nancy>

GETARAN.MY

<https://www.youtube.com/watch?v=sBOeZ2C7eQE>

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>16 APRIL 2024 - SPM- SEMINAR KASIH SEMURNI USAHA KPWK@ANTIGANGGUAN SEKSUAL</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=EkMCPH5eNw">https://www.youtube.com/watch?v=EkMCPH5eNw</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>WAO GESA PENDEKATAN KOMPREHENSIF TANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1235534/wao-gesa-pendekatan-komprehensif-tangani-keganasan-terhadap-wanita">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1235534/wao-gesa-pendekatan-komprehensif-tangani-keganasan-terhadap-wanita</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/16/following-klia-shooting-wao-urges-comprehensive-approach-to-address-violence-against-women/129167">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/16/following-klia-shooting-wao-urges-comprehensive-approach-to-address-violence-against-women/129167</a>	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>RUMAH TERBUKA RAYA DI LUNDU AHAD INI</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/rumah-terbuka-roya-di-lundu-ahad-ini/">https://suarasarawak.my/rumah-terbuka-roya-di-lundu-ahad-ini/</a>	SUARASARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>DATUK ROGOL CUCU: MAHKAMAH RAYUAN KEKALKAN HUKUMAN PENJARA 20 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penjara-20-tahun-466638">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penjara-20-tahun-466638</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080635/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekal-hukuman-penjara-20-tahun">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080635/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekal-hukuman-penjara-20-tahun</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/659841/berita/semasa/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penjara-20-tahun">https://www.sinarharian.com.my/article/659841/berita/semasa/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penjara-20-tahun</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/04/16/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penjara-20-tahun/">https://malaysiagazette.com/2024/04/16/datuk-rogol-cucu-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penjara-20-tahun/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/16/hukuman-penjara-20-tahun-lelaki-lakukan-serangan-seksual-kekal/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/16/hukuman-penjara-20-tahun-lelaki-lakukan-serangan-seksual-kekal/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/16/court-upholds-ex-transporters-20-year-jail-for-sexual-assault-of-underage-sisters">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/16/court-upholds-ex-transporters-20-year-jail-for-sexual-assault-of-underage-sisters</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/232518/court-upholds-ex-transporter-s-20-year-jail-for-sexual-assault-of-underage-sisters/">https://www.dailyexpress.com.my/news/232518/court-upholds-ex-transporter-s-20-year-jail-for-sexual-assault-of-underage-sisters/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>GELAR TEMAN WANITA PELACUR, PEKERJA ZOO DIDENDA RM3,000</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080622/gelar-teman-wanita-pelacur-pekerja-zoo-didenda-rm3000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080622/gelar-teman-wanita-pelacur-pekerja-zoo-didenda-rm3000</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/04/mengaku-cederakan-teman-wanita-pada-roya-pertama/">https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/04/mengaku-cederakan-teman-wanita-pada-roya-pertama/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/659768/berita/semasa/lelaki-maki-cedera-teman-wanita-didenda-rm3000">https://www.sinarharian.com.my/article/659768/berita/semasa/lelaki-maki-cedera-teman-wanita-didenda-rm3000</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1235493/lelaki-cedera-gelar-teman-wanita-pelacur-didenda-rm3000">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1235493/lelaki-cedera-gelar-teman-wanita-pelacur-didenda-rm3000</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=MVfeN5WPc9M">https://www.youtube.com/watch?v=MVfeN5WPc9M</a>	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>HUKUMAN LELAKI PAKISTAN ROGOL KANAK-KANAK KEKAL</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080406/hukuman-lelaki-pakistan-rogol-kanak-kanak-kekal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080406/hukuman-lelaki-pakistan-rogol-kanak-kanak-kekal</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-pakistan-kekal-dipenjara-12-tahun-5-sebatan-rogol-budak-dilacur-bapa-466544">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-pakistan-kekal-dipenjara-12-tahun-5-sebatan-rogol-budak-dilacur-bapa-466544</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/lelaki-pakistan-dipenjara-12-tahun-rogol-kanak-kanak-dilacur-bapa/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/lelaki-pakistan-dipenjara-12-tahun-rogol-kanak-kanak-dilacur-bapa/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=BeRbRsHCxOE">https://www.youtube.com/watch?v=BeRbRsHCxOE</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1235172/lelaki-pakistan-kekal-dipenjara-12-tahun-rogol-budak-perempuan-dilacur">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1235172/lelaki-pakistan-kekal-dipenjara-12-tahun-rogol-budak-perempuan-dilacur</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/659736/berita/semasa/lelaki-pakistan-kekal-dijel-12-tahun-lima-sebatan-rogol-budak-dilacur-bapa">https://www.sinarharian.com.my/article/659736/berita/semasa/lelaki-pakistan-kekal-dijel-12-tahun-lima-sebatan-rogol-budak-dilacur-bapa</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>DIBERI PIL KHAYAL SEBELUM PERKOSA GADIS 15 TAHUN DI HOTEL HINGGA HAMIL</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/diberi-pil-khayal-sebelum-rogol-gadis-15-tahun-di-hotel-hingga-hamil/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/diberi-pil-khayal-sebelum-rogol-gadis-15-tahun-di-hotel-hingga-hamil/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BUDAK PEREMPUAN 6 TAHUN JADI MANGSA AMANG SEKSUAL, SUSPEK DIBURU</b>	
	<a href="https://dayakdaily.com/budak-perempuan-6-tahun-jadi-mangsa-amang-seksual-suspek-diburu/">https://dayakdaily.com/budak-perempuan-6-tahun-jadi-mangsa-amang-seksual-suspek-diburu/</a>	DAYAKDAILY.COM



TAJUK :	KPWKM SALUR BANTUAN KEPADA WANITA DAKWA DIBERI LAYANAN BURUK PEGAWAI JKM		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	17 APR 2024	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

### **KPWKM salur bantuan kepada wanita dakwa diberi layanan buruk pegawai JKM**

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyalurkan bantuan bersesuaian kepada wanita warga emas yang mendakwa menerima layanan buruk daripada dua pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata pegawai dari pejabatnya sendiri telah bertemu wanita itu hari ini bagi mendapatkan gambaran sebenar kejadian.

"Pada masa yang sama kita akan menyiasat apa yang dikatakan menerusi media sosial (berkaitan dakwaan pegawai JKM memberi layanan buruk). Kita tidak dapat menerima begitu sahaja... mungkin ada sebab-sebab tertentu membuatkan perkara ini (berlaku)," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan sebuah portal berita yang menyiarkan dakwaan wanita itu bersama-sama suaminya seorang pemegang kad penduduk tetap, diberi layanan buruk oleh dua pegawai JKM dan dipaksa ke Terminal Bas Bersepadu (TBS) Bandar Tasik Selatan kerana menjadi gelandangan di Kuala Lumpur.


Dalam laporan itu, wanita berkenaan mendakwa rayuannya untuk terus kekal tinggal di kawasan kaki lima berdekatan sebuah restoran tempat dia bekerja mencuci pinggan mangkuk bagi menyara diri dan suaminya yang mengalami kemurungan turut tidak diendahkan.

Menurut wanita itu seorang kenalan bersama suaminya telah bergegas ke TBS sebelum pegawai-pegawai JKM itu bersetuju melepaskan mereka.

Nancy berkata kementeriannya dengan bantuan sebuah badan bukan kerajaan telah menyediakan tempat tinggal sementara buat pasangan itu dan hasil siasatan setakat ini mendapati wanita berkenaan mahu bekerja sendiri dan bukan menjadi penerima bantuan semata-mata.

"Alhamdulillah, mereka telah memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai pejabat saya dan kita akan pastikan mereka akan dijaga dengan sebaik-baiknya," katanya.

— Bernama



## KPWKM SALUR BANTUAN KEPADA WANITA DAKWA DIBERI LAYANAN BURUK PEGAWAI JKM - NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan pada program Back to School di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bako hari ini.

16/04/2024 07:07 PM

KUCHING, 16 April (Bernama) – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyalurkan bantuan bersesuaian kepada wanita warga emas yang mendakwa menerima layanan buruk daripada dua pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata pegawai dari pejabatnya sendiri telah bertemu wanita itu hari ini bagi mendapatkan gambaran sebenar kejadian.

“Pada masa yang sama kita akan menyiasat apa yang dikatakan menerusi media sosial (berkaitan dakwaan pegawai JKM memberi layanan buruk). Kita tidak dapat menerima begitu sahaja... mungkin ada sebab-sebab tertentu membuatkan perkara ini (berlaku),” katanya kepada pemberita di sini hari ini.


Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan sebuah portal berita yang menyiarkan dakwaan wanita itu bersama-sama suaminya seorang pemegang kad penduduk tetap, diberi layanan buruk oleh dua pegawai JKM dan dipaksa ke Terminal Bas Bersepadu (TBS) Bandar Tasik Selatan kerana menjadi gelandangan di Kuala Lumpur.

Dalam laporan itu, wanita berkenaan mendakwa rayuannya untuk terus kekal tinggal di kawasan kaki lima berdekatan sebuah restoran tempat dia bekerja mencuci pinggan mangkuk bagi menyara diri dan suaminya yang mengalami kemurungan turut tidak diendahkan.

Menurut wanita itu seorang kenalan bersama suaminya telah bergegas ke TBS sebelum pegawai-pegawai JKM itu bersetuju melepaskan mereka.

Nancy berkata kementeriannya dengan bantuan sebuah badan bukan kerajaan telah menyediakan tempat tinggal sementara buat pasangan itu dan hasil siasatan setakat ini mendapati wanita berkenaan mahu bekerja sendiri dan bukan menjadi penerima bantuan semata-mata.

“Alhamdulillah, mereka telah memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai pejabat saya dan kita akan pastikan mereka akan dijaga dengan sebaik-baiknya,” katanya.



## WAO gesa pendekatan komprehensif tangani keganasan terhadap wanita

BERNAMA - April 16, 2024 @ 10:16pm



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Pendekatan menyeluruh dan memberi tumpuan kepada mangsa amat diperlukan dalam menangani keganasan terhadap wanita, susulan insiden tembakan di Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 1, baru-baru ini.

Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dalam satu kenyataan malam ini memaklumkan ia juga mesti melibatkan pendekatan yang merangkumi langkah pencegahan, mempertingkatkan perkhidmatan sokongan terhadap mangsa dan penguatkuasaan undang-undang yang mantap.

"Kempen di seluruh negara, pembaharuan undang-undang dan mekanisme sokongan mangsa yang dipertingkatkan untuk mencegah keganasan terhadap wanita mesti kekal menjadi keutamaan, bertujuan untuk menangani punca keganasan terhadap wanita.

"Perkhidmatan tertumpu kepada mangsa, termasuk kaunseling, bantuan guaman dan peruntukan tempat perlindungan mesti disediakan kepada mangsa yang terselamat untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka," menurut kenyataan itu.

WAO menegaskan bahawa keganasan terhadap wanita serta keganasan berasaskan jantina adalah pencabulan hak asasi manusia yang serius dan merupakan penghalang untuk mencapai kesaksamaan jantina dan keadilan sosial.

Oleh itu, WAO memaklumkan kesediaan untuk bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan pihak berkepentingan berkaitan, ke arah mewujudkan masyarakat dengan setiap wanita boleh hidup bebas daripada keganasan dan ketakutan.

Dalam kejadian tembakan 1.30 pagi pada 14 April, seorang lelaki melepaskan dua das tembakan ke arah isterinya di pintu masuk balai ketibaan Terminal 1 KLIA tetapi tersasar dan satu das tembakan mengenai perut pengawal peribadinya.

Dalam kejadian kira-kira 1.30 pagi pada 14 April lalu, seorang lelaki melepaskan dua das tembakan dengan satu daripadanya terkena pengawal peribadi kepada isterinya.

Lelaki yang ditahan semalam berhubung kejadian itu telah direman selama tujuh hari. – BERNAMA



## Rumah terbuka Raya di Lundu Ahad ini

@news 📅 5 minit lepas 📍 SARAWAK 🕒 5 minit lepas


LUNDU: Masyarakat di kawasan Lundu dijemput hadir memeriahkan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri pada 21 April (12 Syawal) ini.

Menerusi hantaran di Facebook, Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Datu, Azizul Annuar Adenan berkata, majlis itu dijadual bermula jam 10.30 pagi sehingga 3.00 petang di Dewan Mahligai Gading Lundu.

Menurut Azizul, beliau bersama-sama isteri menganjurkan rumah terbuka itu bagi menyantuni masyarakat yang berada di kawasan Lundu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Ahli Parlimen Santubong, Datuk Seri Nancy Shukri dijadual menyerikan majlis rumah terbuka berkenaan dengan meluangkan masa bersama-sama penduduk di sekitar.

"Justeru orang ramai dijemput hadir dengan berpakaian kemas dan sopan untuk mewarnai suasana sambutan rumah terbuka ini," kata Azizul.



TAJUK : CULINARY TREAT FOR SPECIAL STUDENTS, ORPHANS

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 17 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Culinary **treat** for special students, orphans

➤ Initiative in line with philosophy of Berjaya Group founder and adviser to give back to society

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**LANGKAWI:** A total of 157 special students and orphans, accompanied by their teachers and caregivers, were treated to a sumptuous meal recently at the Berjaya Langkawi Resort.

The teachers and students were from SMK Tunku Putra, SMK Kedawang, SK Ulu Melaka, SK Selat Bagan Nyior, SMK Ayer Hangat, SK Penghulu Ahmad and the Anjung Kasih Langkawi Orphanage.

Organised by Berjaya Hotels and Resorts, the special guests were served Malay cuisine favourites such as *nasi kerabu*, *nasi tomato*, *ayam masak merah*, beef rendang and chicken nuggets, among others.

They also had traditional desserts, light snacks and *kueh*, which included *tepung pelita*, *pulut panggang*, *agar-agar*, *popiah*, *roti jala* and cakes.

The students also received *duit raya*, which added to their joy.

Some of the students put on heartwarming performances, which showcased their talents and creativity.

Berjaya Hotels and Resorts area general manager Adrian Chung said hosting the event was part of the Berjaya Group annual corporate social responsibility (CSR) programme.

"Our CSR campaigns are always in line with the philosophy of Berjaya Group founder and adviser Tan Sri Vincent Tan.

"He has always inspired managers and staff in all the companies within the group to give back to society whenever opportunities arise, so hosting this event is in line with that."

Chung said Berjaya Langkawi Resort, which is nestled amid picturesque landscapes of the island, has previously carried out other community outreach programmes.

The event started at 6.30pm with *Maghrib* prayers led by religious leaders, followed by a buffet dinner.

SMK Tunku Putra special education senior



The children enjoying a sumptuous spread during the event. – PIC COURTESY OF BERJAYA

assistant Zalila Ramli also had one of her special students recite a *doa*.

"We are thankful to Berjaya Resorts for hosting the children. It is not often that they get to have sumptuous meals at a hotel and this occasion will remain in their memories for a long time.

"I also wanted to ensure the event is memorable for the children, which is why I got one of my students to recite the *doa*."

"The songs and dances were performed by students from three schools – SMK Kedawang, SK Ulu Melaka and SK Penghulu Ahmad," she said, adding that they were all excited to showcase their talents.

Earlier, Chung said the resort was honoured to host such a meaningful event for the

special children.

"Witnessing the smiles on their faces and the sense of belonging they experienced truly touched our hearts.

"As a resort that is a huge part of the local community, we are committed to using our resources and facilities to create moments of joy and togetherness."

He said even the staff were grateful for the opportunity to create a positive impact and are looking forward to continuing efforts to support those in need.

Chung said as Langkawi's premier hospitality destination, Berjaya Hotels and Resorts will continue to spearhead initiatives that embody compassion, inclusivity and solidarity with the local community.



## Datuk rogol cucu: Mahkamah Rayuan kekalkan hukuman penjara 20 tahun

Bernama

April 16, 2024 21:15 MYT



*Mahkamah Rayuan hari ini mengekalkan hukuman penjara 20 tahun ke atas seorang datuk kerana merogol cucu perempuannya yang berusia tujuh tahun enam tahun lepas. - Gambar hiasan.*

**PUTRAJAYA:** Mahkamah Rayuan hari ini mengekalkan hukuman penjara 20 tahun ke atas seorang datuk kerana merogol cucu perempuannya yang berusia tujuh tahun enam tahun lepas.

Panel tiga hakim terdiri daripada Hakim Datuk Hadhariah Syed Ismail, Datuk Azman Abdullah dan Datuk Azmi Ariffin menolak rayuan lelaki berusia 71 tahun itu untuk mengurangkan hukuman penjaranya.

Hakim Hadhariah berkata tiada merit dalam rayuan lelaki itu dan mahkamah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Dia diperintahkan menjalani hukuman itu dari tarikh dia ditangkap pada 5 Ogos 2021.


Pada 16 Ogos 2021, lelaki itu dijatuhi hukuman penjara 18 tahun oleh Mahkamah Sesyen selepas dia mengaku bersalah merogol kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun tujuh bulan itu di sebuah pangsapuri di Kajang, Selangor pada 6.30 petang pada 1 April 2018.

Dia juga diperintahkan menjalani kaunseling selama 10 tahun dan pengawasan polis selama tiga tahun.

Lelaki itu merayu ke Mahkamah Tinggi dan pada masa yang sama pihak pendakwaan turut memfailkan rayuan balas supaya hukuman lebih berat dan penjara lebih lama dikenakan terhadap lelaki itu.

Pada 2 Mac 2022, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan balas pihak pendakwaan dan meningkatkan tempoh hukuman penjara kepada 20 tahun.

Peguam Muhamad Afiq Audy mewakili lelaki itu manakala Timbalan Pendakwa Raya P. Sarulatha mewakili pihak pendakwaan.



## Gelar teman wanita pelacur, pekerja zoo didenda RM3,000

Meor Riduwan Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my



PEKERJA zoo didenda RM3,000 selepas mengaku mengaib dan cederakan teman wanita. FOTO Meor Riduwan Meor Ahmad.

Melaka: Pekerja zoo didenda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, hari ini, selepas mengaku bersalah mengaibkan teman wanita dengan menggelarnya sebagai pelacur serta mencederakan mangsa pada 1 Syawal lalu.

Majistret Nabilah Nizam menjatuhkan hukuman itu selepas menerima pengakuan bersalah tertuduh, Muhammad Nur Fitri Lot,29, atas dua pertuduhan, menimbangkan fakta kes, rayuan dan hujah pendakwaan.

Dalam penghakimannya itu, Nabilah turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan enam bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa dengan niat hendak mengaibkan kehormatan terhadap seorang wanita berusia 36 tahun dengan cara memarahi dengan menggunakan kata-kata kesat.


Perbuatan itu didakwa dilakukan di hadapan sebuah rumah di Jalan AP 7, Taman Alai Perdana, dekat sini, pada 10 April lalu, kira-kira jam 6 petang.

Bagi pertuduhan kedua, Muhammad Nur Fitri didakwa dengan sengaja mendatangkan cedera kepada mangsa sama pada tarikh, masa dan di tempat sama iaitu kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Fiqri Hakim Zamri memohon hukuman setimpal dikenakan terhadap tertuduh mengambil kira pertuduhan dan fakta kes.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM1,500 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar bagi setiap pertuduhan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan denda rendah dan tidak dipenjarakan kerana mahu menjaga anak dan keluarga serta mahu bekerja semula.



TAJUK : KEKAL KENA PENJARA 12 TAHUN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 APR 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## LELAKI PAKISTAN PERKOSA BUDAK PEREMPUAN DILACUR BAPA

# Kekal kena penjara 12 tahun

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi Shah Alam mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen Putrajaya yang menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun terhadap seorang lelaki warga Pakistan, selepas menukar pengakuan kepada bersalah merogol kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang dilacurkan bapanya.

Turut dikekalkan perintah terhadap Yousaf Gul, 39, membabitkan lima sebatan, kaunseling pemulihan ketika menjalani hukuman penjara dan pengawasan polis selama tiga tahun selepas selesai hukuman terbabit.

Pesuruhjaya Kehakiman, Roszianayati Ahmad, berkata tiada keperluan untuk Mahkamah Tinggi mengulas dapatan dan keputusan Mahkamah Sesyen.

"Mahkamah Tinggi meneliti alasan penghakiman Mahkamah

Sesyen dalam mempertimbangkan hukuman terhadap perayu (Yousaf) dan Mahkamah Tinggi mendapati ia adalah dalam ruang lingkup prinsip undang-undang penghukuman.

**"Saya juga meneliti nota keterangan yang jelas menunjukkan bahawa tertuduh antara orang yang merogol mangsa. Keterangan menunjukkan mangsa dilacurkan oleh bapanya yang juga saksi dalam kes ini"**

"Mahkamah Sesyen mempertimbangkan semua faktor untuk mencapai kepada suatu hukuman yang setimpal.

"Hukuman dan perintah diberikan bukan suatu yang melampau," katanya

dalam alasan penghakiman bertarikh 1 April lalu dimuat naik menerusi sistem pengurusan e-kehakiman.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol kanak-kanak berkenaan di sebuah kondominium di Batu 9 Cheras, Hulu Langat, pada November 2018.

Kesalahan mengikut Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan (KK) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376 (2)(d) KK memperuntukkan hukuman


penjara antara 10 hingga 30 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Roszianayati berkata, pengakuan salah perayu adalah betul dan selamat.

"Saya juga meneliti nota keterangan yang jelas menunjukkan bahawa tertuduh antara orang yang merogol mangsa.

"Keterangan menunjukkan mangsa dilacurkan oleh bapanya yang juga saksi dalam kes ini.

"Mangsa mengemukakan perayu sebagai orang yang merogolnya," katanya.



## Hukuman lelaki Pakistan rogol kanak-kanak kekal

Faris Fuad

am@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Shah Alam: Mahkamah Tinggi di sini mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen Putrajaya yang menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun terhadap lelaki Pakistan yang didakwa merogol kanak-kanak yang dilahirkan bapanya.

Turut dikekalkan hukuman lima sebatan terhadap Yousaf Gul, 39, dan perintah kaunseling pemulihan ketika menjalani hukuman penjara serta pengawasan polis selama tiga tahun setelah selesai dengan hukuman terbabit.

Tertuduh sebelum itu menukar pengakuan kepada bersalah.

Pesuruhjaya Kehakiman, Roszianayati Ahmad berkata, tiada keperluan untuk Mahkamah Tinggi mengusik dapatan dan keputusan Mahkamah Sesyen.

"Mahkamah Tinggi meneliti alasan penghakiman Mahkamah Sesyen dalam mempertimbangkan hukuman terhadap perayu (Yousaf) dan Mahkamah Tinggi mendapati ia adalah dalam ruang lingkup prinsip undang-undang penghukuman.

"Mahkamah Sesyen mempertimbangkan semua faktor untuk mencapai kepada suatu hukuman yang setimpal. Hukuman dan perintah diberikan bukan suatu yang melampau," katanya dalam alasan penghakiman bertarikh 1 April lalu yang dimuat naik menerusi sistem pengurusan e-kehakiman.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol kanak-kanak berusia 11 tahun di sebuah kondominium di Batu 9 Cheras, Hulu Langat, pada November 2018.

Kesalahan mengikut Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan (KK) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376 (2)(d) KK memperuntukkan hukuman penjara antara 10 hingga 30 tahun dan sebatan.

Roszianayati berkata, pengakuan salah perayu adalah betul dan selamat.

"Saya juga meneliti nota keterangan yang jelas menunjukkan bahawa tertuduh antara orang yang merogol mangsa.

"Keterangan menunjukkan mangsa dilahirkan oleh bapanya yang juga saksi dalam kes ini.

"Mangsa mengecam perayu sebagai orang yang merogolnya," katanya.



## Diberi pil khayal sebelum perkosa gadis 15 tahun di hotel hingga hamil



Oleh Yulipisman Haji Asli | 15 April 2024, 3:01 pm

KUALA LUMPUR: Seorang pemuda kekal menjalani hukuman penjara 17 tahun dan dikenakan 24 sebatan maksimum atas tiga kesalahan merogol dua gadis bawah umur termasuk adik kandungnya berusia 12 tahun di dua tempat berasingan.

Mangsa pertama yang ketika itu berusia 15 tahun diberi pil khayal sebelum dirogol di sebuah hotel di Chow Kit di sini. Gadis itu kemudian hamil manakala adik kandungnya (perayu) pula dirogol di sebuah rumah di Kampung Baru.

Mahkamah Tinggi di sini mengekalkan hukuman itu selepas menolak rayuan terhadap hukuman. Anak sulung empat beradik itu mengaku bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan.

Tuduhan pertama, perayu dikenakan hukuman penjara lima tahun dan dua sebatan dari tarikh reman pada 12 Julai 2021 serta diarah menjalani kaunseling pemulihan di penjara dan dua tahun pengawasan polis selepas menjalani hukuman.

Tuduhan kedua, Hakim Datuk Ahmad Bache mengekalkan hukuman penjara 10 tahun dan 10 sebatan serta hukuman tambahan penjara dua tahun dan dua sebatan.

Tuduhan ketiga, dia dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan 10 sebatan serta hukuman tambahan penjara dua tahun dan dua sebatan.

Bagi kesalahan kedua dan ketiga, perayu turut diarah menjalani sesi kaunseling pemulihan di penjara dan pengawasan polis selama dua tahun selepas keluar.

Mahkamah memerintahkan pertuduhan kedua dan ketiga (mangsa adik kandung yang sama) berkuatkuasa serentak selepas perayu menjalani hukuman bagi kesalahan pertama.

Pertuduhan pertama, lelaki itu mengaku merogol mangsa berusia 15 tahun di sebuah bilik hotel di Chow Kit di sini pukul 11 pagi, 1 April 2018.

Tuduhan kedua, kesalahan rogol didakwa dilakukan terhadap adik kandung yang ketika kejadian berusia 10 tahun, kira-kira pukul 3.10 petang, November 2019 di sebuah rumah di Kampung Baru.

Tuduhan ketiga, lelaki itu didakwa merogol mangsa serupa (ketika itu berusia 11 tahun) kira-kira pukul 1 petang, 2 Julai 2021 di rumah yang sama.

Hakim Ahmad berpuas hati bahawa Mahkamah Sesyen tidak terkhilaf apabila memberi penekanan dan keutamaan kepada kepentingan awam lebih-lebih lagi mangsa kedua adalah adik kandung.

Bagi tuduhan pertama, mahkamah berpuas hati wujud niat jahat perayu yang merancang membawa mangsa ke hotel, memberinya pil khayal sebelum merogolnya.

"Perayu tidak berhati perut dan mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak yang telah dikhayalkan dan dirogol. Mangsa juga hamil akibat perbuatan itu. Namun perayu bernasib baik kerana hanya dikenakan penjara lima tahun," ujar Hakim Ahmad dalam penghakiman bertulis yang diperolehi pihak media hari ini.

Beliau juga mengambil kira jarak dan tempoh kesalahan yang dilakukan adalah tiga tahun yang mana perayu mempunyai peluang untuk insaf setelah melakukan kesalahan pertama.

"Sebaliknya perayu bertambah ganas apabila memilih adik kandungnya pula sebagai mangsa pada 2019. Perbuatan itu diulangi terhadap mangsa serupa pada 2021 tanpa rasa kesal.

"Hanya hukuman penjara yang panjang dan sebatan maksimum mampu memberi keinsafan dan kesedaran kepada tertuduh (perayu) yang bersikap seperti haiwan," ujar Hakim Ahmad. – UTUSAN



## Budak perempuan 6 tahun jadi mangsa amang seksual, suspek diburu

Apr 16, 2024 @ 22:01



*Suspek yang dikehendaki polis.*

SRI AMAN, 16 April: Polis kini sedang memburu seorang lelaki disyaki suspek kes amang seksual melibatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun pada 10 April lalu.

Ketua Polis Daerah Sri Aman DSP Mathew Manggie berkata suspek dikenali sebagai Andrew Jarau, 38 tahun.

"Pada 10 April, sekitar jam 6.43 petang, IPD Sri Aman telah menerima satu laporan polis berhubung satu kejadian melibatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun yang dipercayai mangsa amang seksual.

"Kejadian tersebut berlaku di kawasan perkuburan lama di Kampung Kubal, Betong dan suspek telah melarikan diri setelah kejadian tersebut berlaku," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Pihak polis sedang giat mengesan dan menangkap suspek.

"Suspek kini dalam senarai orang dikehendaki pihak polis," katanya.

Siasatan lanjut polis dijalankan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Kanak-kanak 2017.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung suspek boleh menghubungi Pegawai Penyiasat di talian 01114037375 (Sarjan Suzy Andrew Baie) atau mana-mana balai polis berhampiran. — DayakDaily



TAJUK :	COUPLE PLEAD GUILTY TO HURTING SONS		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	17 APR 2024	M/SURAT :	05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Couple plead guilty to hurting sons

**KOTA KINABALU:** A couple pleaded guilty yesterday at the Magistrate's Court here to charges of hurting their two sons.

The woman aged 36, and her husband, 27, entered their pleas before Magistrate Flavian Edward Henry.

The man faced two charges of voluntarily causing hurt under Section 323 of the Penal Code which carries a punishment of imprisonment for up to one year, or a fine of up to RM2,000, or both.

Meanwhile, his wife faced one charge under Section 323 of the Penal Code.

She also faced two charges under Section 324 of the Penal Code for voluntarily causing hurt with a dangerous weapon. The punishment for this offence is jail term of up to 10 years or with fine or with whipping or both, upon conviction.

Both accused were unrepresented.

Magistrate Flavian set May 17 for the next mention, pending the full medical report on the two victims, aged five and 13.

The man was offered a RM2,500 bail for each of the charges while his wife was given a RM6,000 bail per charge for the offence under Section 324 and RM4,000 bail for the offence under Section 323.

Both of them were unable to post bail.